

### **THE POSITION OF THE OATH OF NAFYI AL-'ILMI IN THE ISLAMIC LAW OF EVIDENCE AND ITS PRACTICE IN THE SHARIAH COURT**

#### **KEDUDUKAN SUMPAH NAFYI AL-'ILMI DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM DAN PRAKTISNYA DI MAHKAMAH SYARIAH**

Wan Abdul Fattah Wan Ismail<sup>i</sup>, Ahmad Syukran Baharuddin<sup>ii</sup>, Lukman Abdul Motalib<sup>iii</sup>, Hasnizam Hashim<sup>iv</sup>, Zulfaqar Mamat<sup>v</sup>, Norma Jusof<sup>vi</sup> & Mohamad Aniq Aiman Alias<sup>vii</sup>

- <sup>i</sup> (*Corresponding author*). Profesor, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). wanfattah@usim.edu.my
- <sup>ii</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). ahmadsyukran@usim.edu.my
- <sup>iii</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). lukman@usim.edu.my
- <sup>iv</sup> Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). hasnizam@usim.edu.my
- <sup>v</sup> Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zulfaqar@usim.edu.my
- <sup>vi</sup> Pegawai Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia. normafattah@gmail.com
- <sup>vii</sup> Pelajar Doktor Falsafah, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). aniqalias@usim.edu.my

#### Article Progress

Received: 10 November 2023

Revised: 15 February 2024

Accepted: 25 June 2024

#### **Abstract**

*Oath is a method of proof that is not unfamiliar in cases of conviction or denial of an allegation. The status of oath is considered as a weak method of proof because it is only implemented after the absence of other evidence or simply to increase the judge's confidence in making a decision. However, many cases in the Syariah Courts throughout Malaysia have been decided based on the parties' oaths. Even so, when compared to other methods of proof, oaths are seen as very unique because each category contains its subdivisions. This study aims to explain the concept of oaths in general, the Nafyi al-'Ilmi oath and its practice in the Malaysian Syariah Court, and the division and position of Nafyi al-'Ilmi oaths in Islamic evidence law. To achieve these objectives, the researchers employed qualitative methods by collecting data from primary and secondary sources, which were then analyzed using content analysis methods. The findings of the study indicate that the provisions under the Syariah Court Evidence Act (Federal Territories) 1997 [Act 561] are insufficient, necessitating additional explanation in the 'Arahan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006' to ensure the harmonization of implementation methods. Additionally, the method of proof by oath implemented in the Syariah Court can generally be categorized into two: "the oath of proof or 'al-tawthiq" and "the oath of mere confirmation or al-ihthiath", in addition to other forms of evidence. Among the oaths that are less mentioned in fiqh books but are widely practiced in Syariah Courts is the Nafyi al-'Ilmi oaths. The study concludes that oaths are an important method of proof in Islamic evidence law, especially in the context of the Syariah Court in Malaysia. Although considered weak compared to other methods of proof, oaths play a crucial role in completing evidence and convincing the judge. The nafyi al-'ilmi oaths, although less discussed in fiqh books, have been proven to be widely practiced and relevant in the context of evidence in the Syariah Court.*

**Keywords:** Oath, Yamin, Nafyi Al-'Ilmi, Proof, Evidence.

<b>Abstrak</b>	<p><i>Sumpah merupakan kaedah pembuktian yang tidak asing lagi sama ada bagi kes pensabitan atau penafian sesuatu dakwaan. Status sumpah dianggap kaedah pembuktian yang lemah kerana ia hanya dilaksanakan setelah ketiadaan bukti-bukti lain atau sekadar menambahkan keyakinan hakim dalam membuat keputusan. Namun begitu, sebenarnya terdapat banyak kes di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia yang telah diputuskan berdasarkan sumpah pihak-pihak. Walaupun begitu, jika dibandingkan dengan kaedah pembuktian lain, sumpah dilihat sangat unik kerana setiap kategori mengandungi pecahan-pecahan tersendiri. Dalam kajian ini, penyelidik akan menjelaskan berkaitan konsep sumpah secara umum, sumpah yamin Nafyi al-'Ilmi dan amalannya di Mahkamah Syariah Malaysia dan pembahagian sumpah serta kedudukan sumpah Nafsi al-'Ilmi dalam undang-undang keterangan Islam. Bagi mencapai objektif tersebut, penyelidik telah menggunakan kaedah kualitatif dengan mengumpulkan data daripada sumber primer dan sumber sekunder yang kemudiannya dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa peruntukan di dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561] adalah kurang mencukupi, sehingga memerlukan satu huraian lain yang dikenali sebagai Arahan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006 bagi memastikan kaedah perlaksanaannya dapat diselaraskan. Selain itu, kaedah pembuktian secara sumpah yang dilaksanakan di Mahkamah Syariah secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua iaitu; "sumpah kaedah pembuktian atau 'al-tawthiq" dan "sumpah sekadar pengukuhan atau al-ihathi" dan di sampingnya telah terdapat bukti-bukti yang lain. Di antara sumpah yang kurang disebut dalam kitab-kitab fiqh namun banyak dipraktikkan di Mahkamah Syariah adalah "sumpah Nafyi al-'Ilmi". Kajian merumuskan bahawa, sumpah merupakan satu kaedah pembuktian yang penting dalam undang-undang keterangan Islam, terutamanya dalam konteks Mahkamah Syariah di Malaysia. Walaupun dianggap lemah jika dibandingkan dengan kaedah pembuktian lain, sumpah memainkan peranan penting dalam melengkapkan bukti dan meyakinkan hakim. Sumpah Nafyi al-'Ilmi, Walaupun kurang dibincangkan dalam kitab-kitab fiqh, telah terbukti ia banyak dipraktikkan dan relevan dalam konteks pembuktian di Mahkamah Syariah.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Sumpah, Yamin, Nafyi Al-'Ilmi, Pembuktian, Keterangan.</i></p>
----------------	---

## PENDAHULUAN

Sumpah merupakan salah satu kaedah pembuktian yang disepakati oleh para ulama, sekalipun terdapat beberapa perselisihan di kalangan mereka terutamanya daripada segi syarat-syarat dan kaedah perlaksanaannya. Selain itu kedudukan sumpah juga dianggap sebagai pembuktian yang lemah kerana ia hanya dilaksanakan setelah pihak pendakwa gagal membuktikan tuntutan mereka- Walaupun demikian, kekuatan yang terselindung dalam pembuktian secara sumpah tidak boleh dipandang enteng. Jika diperhatikan kepada kaedah-kaedah pembuktian lain seperti ikrar, syahadah, hubung kait atau *qarinah*, pendapat pakar, *qiyafah*, *mu'ayanah* dan lain-lain, ia menjadikan makhluk atau subjek/objek lain sebagai sandaran dalam pelaksanaannya. Namun situasi ini berbeza dengan kaedah pembuktian secara sumpah yang menjadikan Allah SWT sendiri sebagai sandaran dalam pelaksanaannya. Seseorang yang sanggup untuk bersumpah, bermakna dia sudah bersedia untuk menjadikan Allah SWT Yang Maha Mengetahui setiap perkara yang nyata dan tersembunyi sebagai saksi terhadap penafian atau pensabitan dakwaan yang dibuatnya. Ini bermakna sumpah bukan kaedah yang sembarangan kerana ia melibatkan akidah secara terus.

Maka amat bersesuaian dengan konsep sumpah itu sendiri yang merujuk kepada pengukuhan terhadap sesuatu dakwaan sama ada dalam bentuk sabitan atau penafian dengan menjadikan Allah SWT sebagai saksi. Penyataan sumpah hendaklah sekurang-

kurangnya menyebut salah satu dari nama-nama Allah SWT atau salah satu sifat-sifatNya. sumpah tidak mempunyai nilai pembuktian melainkan ia hanya dilaksanakan dengan arahan hakim dan dilaksanakan secara langsung di hadapannya. Pada masa yang sama, tidak kesemua sumpah boleh dijadikan sandaran utama bagi hakim dalam membuat keputusan. Kadangkala sumpah dalam mahkamah tidak lebih daripada sebagai kaedah mengukuhkan keyakinan hakim dalam membuat keputusan atau ia hanya bersifat pelengkap sepertimana sumpah *Nafyi al-Ilmi*.

Walaupun kaedah pembuktian secara sumpah telah diperuntukkan dalam akta dan enakmen keterangan di negeri-negeri sepertimana dalam seksyen 56, 72, 87, 88 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, namun dari segi amalannya masih lagi terdapat perbezaan di antara negeri-negeri. Bagi mengatasi permasalahan ini pelbagai usaha telah dilakukan khususnya oleh Jabatan kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) termasuklah mewujudkan Arahan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006. Sungguhpun demikian, masih lagi timbul kekeliruan terutamanya dalam membezakan sumpah pembuktian (*al-tawthiq*) dan sumpah pengukuhan (*al-ihtiat*) termasuklah amalan sumpah *Nafyi al-Ilmi*. Justeru, artikel ini akan cuba merungkaikan konsep sumpah *Nafyi al-Ilmi* daripada definisi, kedudukannya dalam pembuktian dan juga amalannya di Mahkamah Syariah di Malaysia.

### KONSEP UMUM SUMPAH

Sekalipun perkataan sumpah kerap diulang sebut oleh umum, namun tidak ramai yang mengetahui kesan sumpah jika ia dilaksanakan dalam Mahkamah. Keadaan atau hal ini berlaku kerana sesetengah pihak menganggap tiada apa pun yang membezakan daripada segi amalan dan kesan di antara sumpah di dalam atau luar mahkamah. Dari segi luaran tiada bezanya sumpah di dalam dan di luar Mahkamah, namun daripada segi amalan dan kesannya adalah amat jauh berbeza.

Sumpah atau dalam Bahasa Arab merujuk kepada istilah *yamin* yang bermaksud 'kanan'. Istilah 'kanan' atau bahagian kanan, pada kebiasaannya menunjukkan kepada kekuatan, ketinggian pangkat atau kedudukan. Sebagai contoh, tangan kanan adalah lebih kuat dan gagah dari tangan kiri, begitu juga dari segi kedudukan kanan adalah lebih tinggi atau biasanya disebut sebagai 'Orang Kanan atau Pegawai Kanan'. Oleh kerana itulah sumpah pada bahasanya merujuk kepada *yamin* atau 'kanan' bertujuan untuk mengukuh atau menguatkan sesuatu pernyataan sama ada ia dibuat secara lisan, bertulis atau isyarat. Maka pernyataan yang terdapat sumpah di dalamnya akan berbeza daripada segi status dan kekuatannya berbanding dengan kenyataan biasa tanpa dikaitkan dengan sumpah (Ibn Manzur, 1968; al-Raziyy, 1991; Mahmud Saedon, 1990).

Menurut istilah pula, terdapat juga para ulama berpandangan sumpah adalah merujuk kepada pengukuhan terhadap kenyataan yang dikeluarkan mereka supaya ia lebih dipercayai. Bukan setakat itu sahaja, kenyataan-kenyataan itu dimasukkan nama-nama atau sifat-sifat Allah SWT atau digabungkannya serentak demi meyakinkan pihak yang mendengarnya sama ada ia berkaitan dengan perkara-perkara yang telah berlaku atau akan berlaku pada kemudian hari (al-Jurjaniyy, 1983; al-Qalyubiyy, 1995). Terdapat juga para ulamak, mengaitkan sumpah yang dilaksanakan ini dengan arahan hakim bagi mensabitkan atau menafikan sesuatu dakwaan dengan menjadikan Allah SWT sebagai saksi. Kenyataan ini bagi membezakan dengan syahadah atau kesaksian yang menjadikan manusia sebagai saksinya (al-Zuhayliyy, 1994).

Jika diperhatikan kepada pandangan dan ijihad para ulama berkaitan konsep sumpah, ia sebenarnya hampir sama sahaja di antara satu sama lain. Namun, dengan memasukkan perkataan 'Arahan Hakim' lebih menyerlahkan perbezaan sumpah dalam Mahkamah (*al-Yamin al-Qadha'iyy*) berbanding sumpah biasa di luar Mahkamah (*al-Yamin Ghair al-Qadha'iyy*). Perkataan 'Arahan Hakim' turut memberikan kesan kepada kekuatan sumpah itu sendiri iaitu sumpah tersebut tidak bukan bergantung kepada niat mereka yang bersumpah sepertimana sumpah biasa, sebaliknya niat hakim menjadi sandaran utama. Apabila ia dilaksanakan atas arahan hakim, sudah tentu keputusan yang bakal diputuskan

akan mengikat semua pihak yang terlibat dalam pertikaian sama ada atas tujuan sabitan atau penafian sesuatu perkara. *Majallah Ahkam al-Adliyyah* (1744) menyatakan sumpah merupakan satu kenyataan yang dikeluarkan oleh salah seorang daripada dua pihak yang bertelingkah dengan menyebut nama Allah SWT di hadapan hakim atau naibnya.

Walaupun begitu, penulis lebih cenderung dengan definisi yang dinyatakan dalam Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006, kerana ia lebih mudah dan menggabungkan pandangan-pandangan atau disebut sebagai Sumpah iaitu:

*“Suatu perkataan yang disertakan dengannya nama Allah atau sifat-Nya, dilafazkan untuk menegaskan atau menafikan sesuatu hak atau fakta di dalam prosiding kehakiman”.*

Berdasarkan definisi di atas, penulis berpandangan adalah lebih baik sekiranya definisi ditambah baik dengan menggantikan ‘perkataan’ kepada ‘kenyataan’. Ini kerana kenyataan merangkumi sumpah yang dibuat secara lisan, isyarat dan juga secara dokumen yang telah dibuat oleh pihak bersumpah berdasarkan kemampuan mereka dalam prosiding kehakiman. Oleh itu sumpah boleh dikatakan sebagai:

*“Suatu pernyataan yang disertakan dengannya nama Allah atau sifat-Nya, bertujuan membuat penegasan atau penafian berkaitan sesuatu hak atau fakta di dalam prosiding kehakiman”.*

#### **SUMPAH YAMIN NAFYI AL-‘ILMI DAN AMALAN DI MAHKAMAH SYARIAH**

Berdasarkan penelitian penulis terhadap kitab-kitab *turath*, sumpah *Nafyi al-‘Ilmi* ini dahulunya bukanlah sumpah yang popular. Walau bagaimanapun kini suasananya kini adalah berbeza; sumpah *Nafyi al-‘Ilmi* telah kerap diguna pakai di Mahkamah-Mahkamah Syariah di Malaysia. Sumpah *Nafyi al-‘Ilmi* bermaksud “seseorang itu membuat penafian secara bersumpah bahawa beliau mengetahui penglibatan seseorang yang lain dalam sesuatu perkara, sama ada ia berbentuk perbuatan, ucapan atau catatannya, sama ada orang yang dikaitkan itu masih hidup atau telah pun meninggal dunia”. Orang atau individu yang bersumpah *Nafyi al-‘Ilmi* hendaklah memenuhi rukun-rukun dan syarat-syarat sumpah kehakiman yang lain sepertimana yang telah ditetapkan syarak.

Dalam Arahan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006 sepertimana yang dinukilkan dari kitab *Fiqh Al-Islamiyy wa Adailatuh*, karangan Syeikh Wahbah al-Zuhayliyy (2007) menyatakan: ‘Sumpah *Nafyi al-‘Ilmi* ertinya sumpah seseorang menafikan yang ia mengetahui sesuatu perbuatan mengenai orang lain’. Sumpah yang biasa diamalkan dalam mahkamah adalah melibatkan di antara dua pihak secara langsung iaitu di antara pihak yang menuntut (*mudda’i*) dan pihak yang dituntut (*mudda’a alaih*). Namun demikian, sumpah *Nafyi al-‘Ilmi* ini adalah sedikit berbeza kerana perselisihan berlaku antara *mudda’i* dan *mudda’a alaih* dan berkaitan juga dengan pihak yang ketiga.

Untuk memudahkan lagi pemahaman berkaitan sumpah *Nafyi al-‘Ilmi*, penulis akan mengemukakan contoh situasi tersebut. Untuk menjadikan pemahaman berkaitan sumpah *Nafyi* lebih jelas dan mudah difahami, sebagai contoh berlaku tuntutan bertindih berkaitan dengan sebuah rumah di antara Ali (bukan nama sebenar) dan Ibrahim (bukan nama sebenar). Dalam situasi atau keadaan ini, Ibrahim mendakwa rumah yang didiami oleh Ali bukanlah rumahnya sebaliknya ia adalah harta Pusaka yang sepatutnya dibahagikan secara faraid setelah kematian bapa mereka. Walaupun begitu, Ali menyatakan bahawa Arwah bapa telah menghibahkan harta tersebut kepadanya di hadapan empat (4) anaknya yang lain. Sewaktu hibah dibuat Ibrahim berada di luar negara kerana urusan perniagaan. Namun yang menjadi isunya adalah dua (2) dari kalangan membuat penafian bahawa hibah tersebut telah berlaku dan tidak tahu menahu pun mengenai hibah sepertimana yang telah didakwa oleh Ali. Bagi melancarkan proses penghakiman, hakim memerintahkan dua (2) dari empat (4) adik beradik Ali untuk menafikan berlakunya hibah dari arwah bapa mereka dengan bersumpah. Maka sumpah itulah yang dimaksudkan dengan sumpah ‘*Nafyi al-‘Ilmi*’.

**PENSYARIATAN SUMPAH YAMIN NAFYI AL-'ILMI**

Pada asasnya sumpah merupakan kaedah pembuktian yang disepakati ulama sebagai salah satu elemen penting dalam pembuktian. Kenyataan ini adalah bersandarkan kepada otoriti nas-nas syarie yang kukuh. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*Seandainya setiap pengaduan manusia diterima, nescaya setiap orang akan mengadukan harta suatu kaum dan darah mereka kerana itu (agar tidak terjadi hal tersebut) maka bagi pendakwa agar mendatangkan bukti dan sumpah bagi yang mengingkarinya (Hadis. Muslim. Bab al-Bayyinah al-Yamin 'ala Mudda'a alayh. 1711).*

Seksyen 87 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 juga ada memperuntukkan secara umum pelaksanaan sumpah. Dalam Seksyen 87 (1-2) memperuntukkan bahawa dalam kes mal pihak plantif dan *mudda'a alaih* perlu mengemukakan keterangan, sekiranya pihak *mudda'a alaih* menafikan pertuduhan yang dikenakan ke atas dirinya, maka ia perlu bersumpah. Sekira *mudda'a alaih* bersumpah, maka tuntutan yang dibuat oleh plantif akan ditolak mahkamah. Jika *mudda'a alaih* enggan bersumpah (*nukul an al-yamin*), maka mahkamah boleh meminta plantif bersumpah (*Yamin al-Mardudah*). Jika plantif bersumpah maka segala tuntutan yang dibuatnya akan diterima.

Sekiranya dilakukan kajian secara mendalam, sebenarnya tiada dalil secara khusus pun berkaitan dengan sumpah *Nafyi al-'Ilmi* ini secara spesifik. Keharusan pelaksanaan sumpah *Nafyi al-'Ilmi* adalah bersandarkan kepada maksud umum dari dalil-dalil pensyariatan sumpah kehakiman itu sendiri. Dia antaranya, Hadith yang telah diriwayatkan oleh *al-Ash'ath bin Qais* yang bermaksud:

*Seorang lelaki dari Kindah dan seorang lelaki dari Hadhramaut mengadu hal kepada Nabi SAW berkaitan sebidang tanah di negeri Yaman. Kemudian orang Hadhrami tersebut berkata; wahai Rasulullah, sesungguhnya tanahku di ambil bapak orang ini, dan tanah itu ada di tangannya. Beliau berkata: "Apakah engkau memiliki bukti?" ia berkata; tidak akan tetapi aku minta ia untuk bersumpah, dan Allah mengetahui bahawa tanah tersebut adalah tanahku yang diambil bapaknya. Kemudian orang Kindah tersebut bersiap-siap untuk bersumpah. Kemudian Rasulullah SAW bersabda: "Tidaklah seseorang mengambil harta dengan sumpah melainkan ia akan berjumpa dengan Allah dalam keadaan terpotong tangannya." Kemudian orang Kindi tersebut berkata; tanah tersebut adalah tanahnya. (Hadis. Abu Daud. Bab Man Halaf Yaminan. 3244).*

Sekalipun hadith ini tidak menyatakan secara jelas istilah sumpah *Nafyi al-'Ilmi*, namun perbuatan al-kindhi untuk melaksanakan sumpah itu menunjukkan secara tidak langsung pensyariatan sumpah tersebut. Sumpah al-kindhi itu bertujuan membuat penafian bahawa ia mempunyai maklumat yang bapanya telah mengambil tanah hak milik orang lain. Walaupun pada akhirnya al-kindhi tidak melaksanakan sumpahnya tersebut, namun perintah Nabi SAW juga jelas menunjukkan sumpah itu juga diharuskan bagi pihak-pihak melaksanakannya sekiranya ada keperluan bagi membantu melancarkan proses penghakiman.

Dalam kes *Mohd Mokhtar Hj Abdullah lwn. Fadhilah Hj Abdullah & Yang Lain*:

*Perayu dan responden-responden dalam rayuan di sini adalah anak-anak kepada seorang Wan Yah binti Che Kar (simati). Semasa hayatnya, simati telah menghibah suatu hartanah kepada anak-anaknya, kecuali perayu. Perayu mengatakan bahawa hibah yang dibuat untuk manfaat responden-responden telah ditarik balik oleh simati dan bahawa simati juga telah mengamanahkan supaya hartanah dibahagi sama rata di antara perayu dan responden-responden. Dakwaan perayu adalah diasaskan kepada akuan bersumpah yang dibuat oleh responden keempat, yang menyatakan bahawa beliau mendengar simati/ibunya menarik balik hibah sambil mengamanahkan supaya hartanah di bahagi sama rata kira-kira seminggu sebelum beliau meninggal dunia. Responden-responden pertama hingga ketiga, bagaimanapun, membantah dan menafikan bahawa simati telah menarik balik hibah yang dibuatnya. Mahkamah Tinggi Syariah telah membuat keputusan yang berpihak kepada responden-responden dan perayu merayu. Persoalan yang berbangkit adalah sama ada dakwaan perayu disokong oleh keterangan yang mencukupi, dan jika tidak sama ada pengambilan sumpah harus dikenakan ke atas pihak-pihak menurut syarak.*

*Mahkamah Rayuan yang bersidang, setelah mengkaji dengan teliti segala rekod rayuan, hujah-hujah perayu dan responden serta lain-lain dokumen, dengan sebulat suara memutuskan bahawa hibah (pemberian hidup) yang dilakukan oleh Wan Yah bt Che Kar kepada anak-anaknya Fadhilah bt Hj Abdullah, Mohammad bin Haji Abdullah, Ghazali bin Haji Abdullah dan Meriah @ Maznah bt Haji Abdullah adalah menepati rukun-rukun dan syarat-syarat hibah serta sah mengikut hukum syarak. Tetapi tidak mengikut sunnah Rasulullah (s.a.w) yang mengarahkan umatnya supaya berlaku adil dalam pemberian seumpama ini kerana tidak dimasukkan sama anaknya Mohd. Mokhtar bin Haji Abdullah dan mahkamah ini menghukum ke atas responden 1 Fadhilah bt Haji Abdullah, responden ke 2 Mohammad bin Haji Abdullah dan responden ke 3 Ghazali bin Haji Abdullah bersumpah (نفي العلم) menafikan yang mereka mengetahui bahawa ibunya Wan Yah bt Che Kar menarik balik hibah yang telah dilakukan oleh ibunya kepada mereka. Manakala bersumpah demikian rayuan perayu ditolak. Dan jika mereka enggan bersumpah akan dijalankan sumpah Rad (اليمين المردودة) mengikut hukum syarak dan rayuan diterima serta dibatalkan hibah dan dibahagikan mengikut faraid ([2006] 1 CLJ (Sy)).*


#### **PEMBAHAGIAN SUMPAAH DAN KEDUDUKAN SUMPAAH NAFYI AL-'ILMI DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN ISLAM**

Amalan di mahkamah syariah, sama ada di Malaysia dan beberapa negara Islam yang lain seperti Mesir, Saudi, Jordan, Iraq dan lain-lain menerangkan bahawa sumpah secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu sumpah *Hasimah (al-Tawthiq)* dan sumpah *Mutammimah (al-Ihtiath)*. Dalam Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006, *Hasimah (al-Tawthiq)* ialah sumpah yang dilaksanakan oleh salah satu pihak atas permohonan pihak lain. Kesemua bahagian sumpah *Hasimah* jika dilaksanakan dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, dapat dijadikan kaedah pembuktian kukuh bagi hakim meneruskan prosiding penghakiman atau menjatuhkan hukuman. Sumpah *Hasimah* dibahagikan kepada dua bahagian iaitu sumpah *mudda'a alaih (Yamin al-Asliyyah, Yamin al-Dafi'ah, Yamin al-Wajibah dan Yamin al-Rafi'ah)* dan sumpah *mudda'i*. Manakala sumpah *mudda'i* yang boleh dijadikan kaedah pembuktian ialah sumpah *al-Jalibah*. Sumpah *al-Jalibah* dibahagikan kepada lima jenis iaitu:

- i. Keterangan seorang saksi sahaja iaitu sumpah bersama seorang saksi (*al-Yamin ma'a al-Syahid*) atau dinamakan juga sebagai sumpah *al-Takmilah*.
- ii. Kerana *nukul al-mudda'a alaih* atau keengganan pihak yang didakwa bersumpah sekalipun telah diperintahkan oleh hakim untuk berbuat demikian. Kemudiannya sumpah ini dikembalikan kepada *al-mudda'i* supaya bersumpah atau dinamakan *al-Yamin al-Mardudah* atau *al-Munqalibah*.
- iii. Sumpah pengesahan amanah.
- iv. Kerana *lauth* dalam kes *al-Qasamah* dalam kes pembunuhan atau kecederaan.
- v. Kadangkala ia juga dilaksanakan kerana *Qazaf* suami terhadap isterinya dalam kes *li'an*. (al-Zuhayliyy, 2007, Md. Salleh Haji Ahmad, 2003; Ikrimah, 2009).

Sumpah *Mutammimah* (*al-Ihtiath*) adalah sumpah yang diminta oleh hakim setelah mendapat keterangan lain. Sumpah *Mutammimah* juga berperanan menyempurnakan keterangan sedia ada atau dengan kata lain untuk meyakinkan dan menenteramkan hati hakim dalam meneruskan prosiding atau membuat keputusan. Dalam Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006 menyatakan bahawa sumpah *Mutammimah* ialah "sumpah yang dilaksanakan oleh mana-mana pihak setelah diarahkan oleh hakim untuk menguatkan perintahnya".

Berdasarkan perbincangan, timbul persoalan tentang, di manakah kedudukan sumpah *Nafyi al-'Ilmi*? Adakah ia dikategorikan sumpah *Hasimah* (*al-Tawthiq*) atau sumpah *Mutammimah* (*al-Ihtiath*)? Berdasarkan pemerhatian dan penelitian yang telah dibuat, sumpah *Nafyi al-'Ilmi* dikategorikan di bawah sumpah *Mutammimah* (*al-Ihtiath*) dan pelaksanaannya sekadar menyempurnakan keterangan sedia ada, meyakinkan hati hakim dalam meneruskan prosiding atau membuat keputusan. Sumpah *Nafyi al-'Ilmi* tidak boleh dijadikan asas utama dalam penghakiman, sebaliknya ia hanya berperanan sebagai keterangan sokongan sahaja. Dalam Arahan 8 (3), Amalan Sumpah Mahkamah Syariah Malaysia 2006 menyatakan, "dalam mana-mana prosiding sedang berjalan, Hakim boleh apabila difikirkan patut atau perlu mengarahkan mana-mana pihak bersumpah *Yamin Nafyi al-'Ilmi* atau *Yamin al-Mutammimah*".



Gambar Rajah 1: Pembahagian Sumpah Kehakiman

## KESIMPULAN

Tidak dinafikan, pelaksanaan kaedah pembuktian secara sumpah agak kompleks atau rumit berbanding dengan kaedah pembuktian yang lain. Di antara faktor yang menyumbang kepada situasi ini adalah kerana pembahagian sumpah yang agak banyak, nama yang berbeza sekalipun dari konsepnya adalah sama, tidak selaras pelaksanaannya dan sebagainya. Peruntukan dalam Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 terutamanya seksyen 87 (1-3) dilihat masih belum mencukupi untuk menyatukan/ menyeragamkan pelaksanaan sumpah. Namun, keadaan ini sedikit berubah dan bertambah baik setelah diselaraskan melalui Arahan Amalan Sumpah 2006. Melalui Arahan Amalan yang telah diwujudkan ini, pelaksanaan kaedah pembuktian secara sumpah sedikit sebanyak telah dapat diseragamkan. Walaupun begitu, masih terdapat sesetengah pengamal undang-undang yang belum dapat membezakan secara tepat kedudukan sumpah *Hasimah* dan *Mutammimah* termasuklah sumpah *Nafyi al-'Ilmi*. Berdasarkan perbincangan sebelum ini, kedudukan sumpah *Nafyi al-'Ilmi* adalah dikategorikan sebagai sumpah *Mutammimah (al-ihtiath)* atau sumpah sekadar pengukuhan bagi meneruskan prosiding berikutnya. Ini bermakna sumpah *Nafyi al-'Ilmi* tidak boleh dijadikan asas dalam alasan penghakiman bagi menjatuhkan sesuatu hukuman. Sumpah *Nafyi al-'Ilmi* adalah berperanan atau berfungsi sebagai pelengkap di samping kaedah-kaedah pembuktian kukuh yang lain seperti ikrar, kesaksian dan lain-lain termasuklah sumpah yang berstatus *hasimah (tawthiq)*.

## PENGHARGAAN

Penghargaan untuk Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, USIM kerana meluluskan penyelidikan yang bertajuk: Model E-Kitabah (Modernisasi Pendokumentasian Elektronik sebagai Keterangan) dalam Pembuktian ke Arah Penyelesaian Kes-Kes Jenayah Syarie di Malaysia dan kod penyelidikan: PPPI/USIM/FSU/USIM/112823.

## RUJUKAN

### Akta/ Undang-Undang

Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997  
Arahan Amalan Sumpah Mahkamah Syariah 2006

### Kes

*Mohd Mokhtar Hj Abdullah lwn. Fadhilah Hj Abdullah & Yang Lain.* ([2006] 1 CLJ (Sya)).

### Buku

- Abu Daud, S. I. A. S. A. (1997). *Sunan Abi Daud*. Jld. 3. (*Bab fi al-Mar'ah Tarithu min Diyyah Zaujiha. No. 2925*). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqiyy, A. H. A. (1999). *Al-Sunan al-Kubra*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Hattab, A. A. M. A. R. (1992). *Kitab Muwahib al-Jalil li Syarh Mukhtasar Khalil*. Dar al-Rasyad.
- Ali Haidar. (1991). *Durar al-Hukkam Syarh Majallah al-Ahkam al-Adliyyah*. Bayrut: Dar al-Jail.
- al-Kasaniyy, A. B. M. K. H. (1997). *Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Marghinaniyy, S. I. B. A. A. B. H., (2000). *al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadiy*. Qaherah: Dar al-Salam.
- al-Mawardiyy. (1999). *Al-Hawi al-Kabir fii al-Fiqh Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Nawawiyy, A. Z. M. S. (1392H). *Al-Manhaj Syarh Sahih Muslim bin Hajjaj*. Bayrut: Dar Ihya' al-Tutah Al-Arabi.
- al-Qalyubiyy, A. S., & Umairah, A. B. (1995). *Hasyiah al-Qilyubiyy wa Umairah*. Bayrut: Dar al-Fikr.

- al-Raziyy, F. D. (1991). *Tafsir al-Fakhr al-Raziyy*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Sarkhasiyy, A. B. M. I. A. (1993). *Al-Mabsut*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Syiraziyy, A. I. I. (1995). *Al-Muhazzab fi al-Fiqh al-Imam al-Syafi'i*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayliyy, M. M. (1994). *Wasa'il al-Ithbat fi al-Syariah al-Islamiyyah wa al-Mu'amalat al-Madaniyyah wa al-Ahwal al-Syakhsiyyah*. Cet.2. Riyad: Maktabah al-Mu'ayyad.
- al-Zuhayliyy, W. 2007. *Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Ibn 'Abidin. (1995). *Hashiyah Radd al-Mukhtar 'ala al-Dur al-Mukhtar Syarh Tanwir al-Absar*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ibn Juzayy al-Kalbiyy, A. Q. M. I. A. (t.t). *Al-Qawanin al-Fiqhiyyah*. t.tp: t.pt.
- Ibn Majah. (2000). *Sunan Ibn Majah bi Syarh Abu al-Hassan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi*. Cet. 2. Bayrut: Dar al-Ma'rifat.
- Ibn Manzur, M. I. M. (1968). *Lisan al- 'Arab*. Bayrut: al-Maktabah al-Markaziyyah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, A. A. M. (2002). *al-Turuq al-Hukmiyyah fii al-Siasah al-Syariyyah*. al-Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn Qudamah. (1994). *Al-Mughni*. Bayrut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ikrimah Sa'id, S. (2009). *Al-Yamin fi al-Qada' al-Islamiy*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Mahmud Saedon, A. O. (1990). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malik ibn Anas. (t.t). *al-Mudawwanah al-Kubra*. Qaherah: Dar al-Fikr.
- Muslim. (1998). *Sahih Muslim bi Syarhi Imam al-Nawawi*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.

### **Jurnal**

- Muhammad Abdullah, M. (2000). *Al-Yamin al-Qadhaiyyah. Al-Majallah al-Arabiyyah li al-Dirasat al-Amniyyah wa al-Tadrib*. 30(15).

### **Persidangan**

- Md. Salleh Haji Ahmad. (2003). *Konsep al-Yamin dan perlaksanaannya di Mahkamah Syariah*. Kertas kerja dibentang dalam Seminar "Ke Arah Memperkemaskinikan Undang-Undang Keterangan Dan Prosedur Di Mahkamah Syariah". Pada 12 Jun 2003 di Hotel Hilton.

### **Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*